



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 27 Oktober 2014

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL. 12 TAHUN 2014

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 38 TAHUN 2013 PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGAJUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Dimaklumkan di Mesyuarat Lembaga yang ke 87 telah bersetuju meluluskan gunapakai Pekeling Perkhidmatan Bil 38/2013 - Pemberian Subsidi Yuran Pengajuhan Taman Asuhan Kanak-kannak Di Tempat Kerja Sektor Awam berkuatkuasa 8 Ogos 2014.
3. Definisi TASKA ialah mana-mana Taman Asuhan Kanak-kanak di tempat kerja sektor awam yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia atau bahagian yang menyelaras urusan mengenai TASKA di agensi Kerajaan.
4. Syarat-syarat kelayakan pemberian bantuan tersebut di atas adalah seperti berikut:
 - i. Pendapatan bulanan isi rumah penjawat awam tidak melebihi RM5,000 sebulan.
 - ii. Anak-anak yang berumur di bawah 4 tahun pada tarikh anak didaftarkan masuk ke TASKA
 - iii. Bagi tahun kalender di mana anak genap berumur empat tahun, subsidi yuran pengajuhan TASKA boleh diteruskan sehingga 31 Disember tahun berkenaan.
 - iv. Kadar subsidi mengikut kadar yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan bagi seorang anak. Kadar ini akan terus dibayar kepada pengusaha TASKA oleh LGM. Sekiranya yuran tersebut melebihi RM180.00, baki selebihnya ditanggung oleh pegawai berkenaan.

5. Dengan ini anggota LGM yang layak boleh mengemukakan permohonan dengan menggunakan 'Borang TASKA 2014' ke UPSM melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan hendaklah disertakan :

- i. Salinan penyata gaji;
- ii. Salinan Sijil Kelahiran/MyKid anak/Sijil Pengankatan daripada JPN sekiranya anak angkat/pelihara/dokumen hubungan dengan anak sekiranya anak tiri; dan
- iii. Salinan penyata gaji suami/isteri.
- iv. Pasangan yang tidak bekerja dengan Kerajaan (surirumah, bekerja sendiri atau bekerja di sektor swasta) dokumen atau keterangan berkaitan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan anggota.

6. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Perkhimat Bil 38/2013 bagi perhatian tuan/puan selanjutnya..

Sekian dilmaklumkan. terima kasih.



**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

(SHAHRRIR BIN MOHD SALLEH)

s.k: Y. Bhg.Datuk Ketua Pengarah LGM
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian